Berita Minggu, Ahad, 4 Julai, 1982

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

TAFSIRAN KONSEP 'MEMANG KE TIMUR'

Oleh ABU HASSAN ADAM

'MEMANDANG ke Timur' membawa erti yang berbagai-bagai. Terpulanglah kepada seseorang individu mentafsirnya. Biasanya, penghuraian tidak seharusnya ditinjau dari apa yang tersurat, tetapi sebaliknya dari apa yang tersirat.

Walaupun ramai yang mensifatkan 'Memandang ke Timur' itu bererti bahawa kita seharusnya meninjau kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang Jepun atau Korea, tetapi, dirasakan tentunya Dr. Mahathir mahukan kita memberikan pengertian yang lebih luas dari itu. Tidak salah, rasanya, kalau dikatakan, 'memandang ke timur' itu konsep yang mengesyorkan agar rakyat 'menoleh ke belakang', mengenang dan merenung secara kritikal nasib diri, bangsa dan negara.

Sambil kita menoleh ke belakang, seharusnya kita cuba menyingkap sejarah dan perjuangan bangsa kita masa lampau. Dengan demikian dapatlah kita merasakan, menyedari apa yang telah dilakukan dan bagaimana mengatasi masalah yang timbul. Jikalau dirasakan kita masih lemah, cubalah dicari jalan bagi menguatkannya. Kalau kita tahu kita masih lemah, bangunlah; kalau kita sedar bangsa kita masih ditindas, elakkanlah agar jangan terus ditindas. Jika kita rasakan kita masih bodoh, belajarlah; dan kalau kita rasakan kita dah banyak silap, berusahalah mengatasi segala kesilapan.

Sekiranya tidak ada mesej penting yang ingin Dr. M sampaikan melalui konsep 'Memandang ke Timur', tidak mungkin Dr. M beriaia benar mengutarakan konsep ini dan menyibarkannya untuk dipraktikkan seluas-luasnya. Tidak syak lagi bahawa Dr. M cuba mengubah cara berfikir rakyat.

Dr. M telahpun merintiskan jalan ke arah ini dengan menunjukkan bahawa sesuatu perakra yang difikirkan 'mustahil' itu sebenarnya 'tidak mustahil'.

Sebagai contoh, apabila Dr. M cuba mengubah waktu, iaitu mencepatkan 30 minit waktu Malaysia (Semenanjung), berbagai desas-desus yang kurang enak didengar, menyatakan ia mustahil dijalankan. Tetapi, apabila dilaksanakan, rakyat menerimanya dengan senang. Begitu, juga dengan tindakan Dr. M menukarkan ukuran emperial ke metrik. Ramai yang tidak bersetuju (secara senyap-senyap), tetapi akhirnya bersetuju.

"Clock-in" dan "clock-out" juga menimbulkan reaksi yang sama. Tetapi, akhirnya diterima dengan berkesan.

Setakat ini hampir semua tindakan luar biasa Dr. M itu berjalan lancar, malah menyebabkan Dr. M semakin dihormati oleh semua pihak.

Satu kesalahan yang mungkin kita tidak sedar, tetapi telah dilakukan ialah keghairahan kita berpaut kepada apa yang diistilahkan sebagai "traditional assumption". Seolah-olah apa yang telah dipraktikkan sebelum ini, tidak boleh diubah ataupun dirombak.

Sebagai contoh, kita ambil tindakan kita menghormati dan mengagung-agungkan orang-orang Barat. Telah berapa kurun kita telah mengiktiraf Barat sebagai bangsa yang kuat, yang kadang-kadang menyebabkan kita sentiasa 'mendongak' dan kadang-kadang merelakan diri kita untuk 'dipijak'. Jenerasi sebelum merdeka sentiasa 'diasuh' bahawa kononnya yang menjalankan perniagaan ialah orang Cina sahaja. Semenjak dari sekolah rendah (Zaman British) kanak-kanak telah diajar dan mengingat pantun berikut:

Buai laju-laju,
Kuntum bunga sena,
Beli baju baru;
Dari kedai Cina.

Orang Melayu telah dibisikkan bahawa datuk nenek kita hanya pandai bertani, menanam padi. Malah pentadbiran British sendiri dengan terang-terang berani menyatakan bahawa tujuannya mengadakan persekolahan untuk orang Melayu ialah 'bagi menjadikan kanak-kanak Melayu petani yang baik, lebih baik dari bapanya'.

Selepas negara kita merdeka, British masih lagi mahu 'berkuku' di negara kita. Pemimpin-pemimpin kita seolah-olah 'dinasihatkan' agar jangan 'durhaka' kepada Komanwel, hendaklah sentiasa menghormati British, walaupun mereka sudah tidak ada di sini.

Tentunya Dr. M mahu kita merenung cara kritikal nasib diri, bangsa dan negara

Pusat pengajian tinggi di Britain adalah lebih bermutu, dibandingkan dengan pusat pengajian tinggi di tempat lain di dunia, dan berbagai-bagai lagi.

Pandangan sedemikianlah yang hendak dikikis oleh Dr. M, yang menyebabkan beliau menyimpulkan ideanya ke dalam satu konsep 'Memandang ke Timur'. Beliau dapat dikira sebagai Perdana Menteri Malaysia yang pertama berani mempersoalkan tentang kewibawaan Komanwel dan berani pula mengkritik tentang Persidangan Cancun.

Walaupun tindakannya itu menimbulkan riak di suasana politik antarabangsa, namun kebaikannya tetap ada. Barulah dunia luar tahu bahawa Malaysia bukanlah negara yang boleh diperkotak-katikkan. Dan, datanglah Ramphal (Setiausaha Negara Komanwel) ke Malayasia (yang ditunggu di lapanganterbang oleh Datuk Zakaria Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri.-

Dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri, barulah nampak sikap hormat yang begitu tinggi terhadap PM kita, terhadap kebolehannya bertindak memerintah negara, di samping keupayaan bergelumang dalam arena politik antarabangsa.

Dr. M telah menunjukkan bahawa orang Inggeris sebenarnya adalah bangsa yang malas dan dilahirkannya melalui majalah antarabangsa. Dan beliau juga telah membuka mata kita dengan mendedahkan bahawa Inggeris tidaklah sepandai mana. Kalau benar mereka pandai, tidaklah saham Guthrie dapat kita ambil 'secepat kilat'. Dan, Inggeris telah menempelak kita dengan mengatakan Malaysia telah melakukan "dawn-raid".

Datuk Musa Hitam juga tidak sumbang 'langkah silat'nya. Dengan lantang beliau menyeru agar mana-mana negara yang bersimpati dengan tahanan ISA, untuk mengambilnya. Mungkin suatu masa nanti, agaknya, Datuk Musa akan mengumumkan yang masyarakat Malaysia boleh membuat pilihan: "mahu tinggal terus di Malaysia, ataupun keluar sahaja", Ini tentulah ditujukan kepada orang yang sentiasa

DATUK SERI DR. MAHATHIR

mengatakan dasar Malaysia tidak baik dan mengagungkan dasar negara lain.

Rakyat Malaysia, terutama orang Melayu, telah diarahkan agar menguatkan diri dalam apa juga bidang sekalipun. Tapi, bidang yang sentiasa dititikberatkan oleh Dr. M ialah ekonomi.

Pernah Dr. M menasihatkan peniaga-peniaga dari kalangan putera bumi ini agar betul-betul melengkapkan diri dengan ilmu perdagangan sekiranya hendak menyertai lapangan tersebut. Dengan demikian, barulah kita bukan sahaja dapat sama-sama berganding bahu dengan orang lain, malah berusaha menguasai perdagangan tertentu, seperti berjayanya orang Melayu menguasai perlombongan bijih timah sebelum kedatangan orang Barat dulu.

Kalau ditinjau keadaan masa kini, maka Jepun dan Korea dapat diambil sebagai contoh negara yang dapat menandingi Barat.

Begitu tertariknya Dr. M. terhadap etika kerja di Jepun, sehinggakan beliau telah memberikan amaran kepada pelajar-pelajar kita yang ke Jepun agar tidak mengharapkan layanan yang istimewa. Dan harapan Dr. M juga agar pentadbir Jepun juga tidak memberi layanan yang berbeza-beza kepada pelajar-pelajar kita.

Di sini, jelas kelihatan bahawa Dr. M. terang-terang mahu mengubah sikap bangsanya. Orang Melayu khususnya, telah begitu lama 'diajar' agar memandang kerja di pejabat itu sebagai kerja yang mulia. Tidak berapa lama dulu, pemuda-pemuda Melayu pasti akan menolak kerja di bengkel-bengkel membaiki kereta kalau dia ditawarkan bekerja sebagai kerani atau pun budak pejabat, walaupun gaji kerani atau peon itu lebih rendah dari gaji mekanik.

Konsep 'Memandang ke Timur' mengharapkan agar orang Melayu dapat membuktikan bahawa mereka 'tidak malas', seperti yang telah 'dicap' oleh Inggeris dan diwariskan kepada 'pesuruh-pesuruhnya' yang hingga dewasa ini masih 'menyalak di negara kita. Tujuannya ialah untuk melemahkan semangat orang Melayu.

Pemuda-pemuda Melayu pula diminta membuktikan bahawa orang Melayu bukan "easy-going" seperti yang disangkakan. Ini dapat dijalankan dengan cara mengelakkan diri daripada 'bersidai' di komplek-komplek membeli-belah, dan hendaknya buatlah kerja yang berfaedah. Dan, kalau ada pemuda-pemuda desa yang ingin ke Kuala Lumpur, kuatkanlah azam bahawa penghijrahan mereka itu bukanlah untuk berpoya-poya atau 'menyangkutkan dagu' di Panggung Anniversary (Taman Bunga) atau 'menyapu kertas' di Jalan Tuanku Abdul Rahman, ataupun menghabiskan wang (kalau ada) di "Ice Skating Ring".

Orang lain sudah tentu tidak mengukur kemajuan

Jika dirasakan kita masih lemah, cari jalan menguatkannya, kalau lena, bangunlah...

orang Melayu dari segi kelincahan menari irama disko, ataupun menyanyi melalak di Panggung Anniversary, ataupun kepandaian mengimbangi badan di 'Ice-Skating Ring', ataupun memakai pakaian yang 'rugged', yang tidak pernah ada dalam kamus datuk nenek moyang kita dahulu.

Sering kita mendengar kenyataan yang mengatakan bahawa Kebudayan Malaysia hendaklah berdasarkan kebudayaan anak negeri. Jelaslah bahawa Kebudayaan Melayu telah diterima sebagai lambang identiti kebudayaan nasional dalam memandangkan ancaman kebudayaan luar yang sentiasa melanda.

Kita khuatir tentang bilangan pemuda Melayu yang lebih ramai dapat menyanyikan irama pop Barat daripada mengetahui irama 'Seri Mersing'. Kempunan mata mahu melihat pemuda Melayu berbaju Melayu berkain songket, dan agak bertuah kalau dipakai di Hari Raya.

Dan, berapa ramaikan agaknya penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri, khasnya anak Melayu, yang betul-betul dapat meyakinkan orang asing bahawa sebenarnya orang Melayu (Malaysia) diukur daripada pakaian, tindakan dan nilai-nilai yang lain.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa Kebudayaan Malaysia harus "flexible" dan bersedia menerima unsur-unsur dari kebudayaan Barat, tanpa menghilangkan identiti kebudayaan rantau ini.

Apakah mengangkat gelas yang berisi arak sebagai tanda ucap-selamat itu satu Kebudayaan Malaysia yang telah diubahsuai? Atau, adakah menyambut harijadi dengan mengadakan majlis tari-menari itu, juga sebagai kebudayaan yang telah diubahsuai?

Apabila difikirkan dari satu-sudut yang lain, kita dapat pula menyimpulkan bahawa dek kerana "flexibility" kebuadayaan Melayu itulah yang menyebabkan kebudayaan kita hampir ditelan oleh kebudayaan asing.

Dalam hal ini kita diminta sekali lagi menoleh ke belakang, menilai diri sendiri. Jikalau dah berkulit sawo matang, tentulah tidak mungkin bertukar menjadi kuning langsat. Jikalau rambut dah ditakdirkan berwarna hitam, janganlah cuba diperangkan. Jikalau dah biasa dengan nasi dan gulai, jering dan petai, janganlah pula digantikan dengan "bread and butter".

Sehubungan dengan soal-soal Kebudayaan Kebangsaan, peranan TV dan media massa yang lain tidak kurang pentingnya. Bagaimanalah hendak membentuk Kebudayaan Kebangsaan kalau TV sentiasa menghidangkan kisah-kisah bunuh dan rompakan, penipuan dan kecurangan, skandal sex dan eksploitasi antara manusia.

TV adalah 'guru' yang paling berkesan. Hakikat ini telah pun disedari oleh Encik Mohd. Adib Adam. Ini telah dinyatakannya dalam temuramah di TV baru-baru ini. Juga telah dibayangkannya tentang hasrat untuk menjadikan Kementerian Penerangan sebagai saluran yang boleh membina negara dari segi aspirasi dan cita-cita rakyat menuju ke suatu matlamat yang dapat dibanggakan.

Hendaknya janganlah masyarakat negara ini seperti apa yang berlaku di Filipina. Sedih melihatkan rakyat yang dikatakan berasal dari rumpun Melayu terlalu berbeza dengan orang Melayu di Malaysia. Seolah-olah rakyat Filipina sudah tidak lagi mewarisi kebudayaan datuk nenek mereka. Tentulah penjajah Sepanyol (kemudiannya Amerika) begitu bangga dengan kejayaan mereka 'menspanyolkan' atau 'mengamerikakan' rakyat Filipina.

Jarang kita jumpa pemuda-pemuda Filipina yang tidak pandai menari disko, sehinggakan kanak-kanak sekolah pun terlibat sama. Ini mungkin disebabkan oleh TVnya terus-menerus menayangkan filem hiburan berunsur tarian disko.

Seperkara lagi yang memerlukan kita merenung ke Timur ialah dari sudut wanita kita yang selalu mengasaskan Barat sebagai asas tindakan mereka. Seolah-olah ada yang berpendapat wanita yang berjaya adalah yang berunsur Barat.

Tentulah timbul soalan di kepala bahawa apakah wanita-wanita kita tidak dapat maju tanpa berkiblat ke Barat? Dan, apakah konsep keIslaman yang tulen tidak sanggup membawa nama wanita ke arah kemajuan?

Kepincangan yang telah dan sedang berlaku di Barat adalah natijah dari amalan konsep "Women's Lib". Betapa tenatnya Barat mengalami masalah keruntuhan moral.

Di Britain, dalam tahun (1971), 2,296 orang yang telah menggugurkan anak. Apakah ini contoh kemajuan di kalangan wanita?

Konsep 'merenung diri sendiri' juga boleh dikaitkan dengan persoalan penglibatan orang Melayu di bidang ekonomi. Setakat ini, seolah-olah orang Melayu masih diberi layanan yang agak manja oleh Kerajaan. Tapi, kata Dr. Mahthir, Kerajaan tidak berhasrat terus-menerus membantu orang Melayu, sebab selagi dimanjakan, maka tidak akan beroleh kemajuan. Orang Jepun dapat maju setelah negaranya menjadi 'padang jarak padang tekukur', setelah diledak oleh bom Hydrogan yang digugurkan di Hiroshima.

Harapan Kerajaan ialah mahu melihat orang Melayu maju, esekutif Melayu yang dedikasi dan cekap. Tentulah kita tidak mahu mendengar lagi 'syarikat separuh kerajaan' yang kerugian, tetapi didiamkan saja. Pentadbiran 2M tidak akan bersikap demikian, ini ditambah pula dengan pembentukan Badan Pencegah Rasuah (BPR). ■

No. Siri 2878